

05/11/2000

Bumiputera mesti kikis tabiat buruk

Wan Hazmir Bakar; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Bumiputera perlu mengubah sikap buruk yang selama ini menghalang mereka daripada maju dalam perniagaan, walaupun kerajaan menyediakan pelbagai peluang dan bantuan sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dimulakan.

Sikap hanya inginkan kerja mudah dan perasaan dengki sesama rakan usahawan sebangsa perlu dikikis jika Bumiputera mahu mampu bersaing dan berjaya dalam bidang perniagaan yang dikuasai bukan Bumiputera.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Bumiputera seharusnya mencerminkan diri dan bukan menyalahkan pihak lain apabila gagal cemerlang dalam perniagaan.

Beliau berkata, kegagalan selama ini adalah kerana sikap diri yang tidak sanggup berusaha keras serta memanfaatkan peluang dan keistimewaan yang diberikan kerajaan terutama menerusi DEB.

"Penjajah sudah meninggalkan kita 43 tahun lalu. Oleh itu, tiada sebab untuk anak-anak selepas merdeka ini menyalahkan penjajah apabila ketinggalan, terutama pada masa ini prestasi bergantung kepada kecemerlangan dan bukan lagi kerana keistimewaan yang diberi," katanya di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin supaya Bumiputera tidak menyalahkan penjajah dan bangsa lain jika gagal mengubah nasib dan memajukan diri.

Dr Mahathir kecewa kerana Bumiputera masih ketinggalan dalam hampir semua kegiatan ekonomi walaupun kerajaan memberikan pelbagai bantuan.

Beliau juga bimbang dengan hakikat bahawa hampir tidak ada kehadiran Bumiputera di pusat pertumbuhan baru kerana mereka kurang berminat menceburi perniagaan runcit.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Datuk Syed Amin al-Jeffri, berkata masalah utama ialah usahawan Melayu menghabiskan banyak usaha dan masa untuk menjatuhkan rakan sebangsa daripada menumpukan kepada usaha memajukan perniagaan.

Beliau berkata, sikap dengki ini menjadikan mereka sebagai pemusnah usahawan Melayu lain, bukan sebagai pesaing dengan usahawan bangsa lain dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar.

"Inilah masalah orang Melayu. Kita lebih suka melihat bangsa lain maju daripada melihat bangsa sendiri berjaya," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sambil meminta usahawan Melayu insaf dengan kenyataan Perdana Menteri, Syed Amin menggesa mereka supaya bersatu padu dan memanfaatkan bantuan yang disalurkan kerajaan dengan sebaik-baiknya.

Beliau berkata, usahawan Melayu perlu sanggup menerokai sektor pemborangan dan peruncitan yang sebenarnya sektor paling penting dalam bidang perniagaan walaupun ia agak remeh dan memerlukan tumpuan sepenuhnya.

"Tanpa pembabitan usahawan Melayu, jaringan perniagaan mereka tidak akan lengkap dan mereka tidak mampu memanfaatkan bilangan pengguna Melayu yang merangkumi hampir 60 peratus daripada rakyat negara ini," katanya.

Di GEORGETOWN, Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM) sudah menubuhkan biro khas bagi membantu ahli perniagaan Bumiputera meningkatkan penyertaan dalam pelbagai bidang perniagaan, terutama peruncitan.

Timbalan Presidennya, Datuk Mohd Yussof Latiff, berkata majlis tertinggi DPIM juga menyediakan garis panduan, terutama pembangunan perniagaan

Bumiputera Islam dalam bidang peruncitan dan peniagaan kecil.

"Kita (DPIM) sedar bahawa Bumiputera masih ketinggalan dalam bidang ekonomi dan semua pihak perlu bersatu mengatasinya," katanya.

Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Komtar Pulau Pinang, Datuk Hamid Araby Md Salih pula berkata orang Melayu masih perlu dibantu dalam perniagaan kerana budaya berniaga di kalangan mereka masih baru.

Katanya, selain galakan, bantuan sewajarnya juga patut diberikan bagi meningkatkan semangat orang Melayu berniaga seperti modal dan kemudahan kredit.

Sementara itu, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Ramon Navaratnam berkata sikap seseorang itulah yang menentukan kejayaan atau sebaliknya dalam perniagaan.

"Kalau kerajaan beri peluang dan mereka yang terkebelakang itu mengambilnya dan melakukan yang terbaik, tentu mereka juga boleh maju. Perlu ada kemahuan untuk berjaya, jika kerja yang dilakukan hanya separuh hati, sudah tentu akan gagal," katanya.

Beliau berkata, apa yang perlu dilakukan sekarang ialah memperbetulkan sikap masing-masing dengan setiap pihak berusaha menyedarkan pihak lain serta berusaha menimba segala ilmu yang perlu.

"Setiap orang perlu motivasi," katanya sambil menambah ingatan Perdana Menteri itu juga perlu diambil perhatian oleh kaum lain.

(END)